

TM bantu UMSKAL baikpulih kolam ikan di Semporna

LABUAN: Telekom Malaysia™ sentiasa membantu Universiti Malaysia Sabah (UMS) amnya dan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) khasnya dalam menjalankan pelbagai bidang yang mereka ceburi.

Pengurus Besar TM Sabah dan Labuan, Haji Sukkuriya Haji Masrie berkata pihaknya telah menjalinkan bubungan yang erat dengan UMS sejak sekian lama untuk kebaikan kedua-dua pihak.

Katanya, TM bukan sahaja memberi sumbangan berbentuk kewangan tetapi juga pengetahuan terutama kepada masyarakat di luar bandar di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

“TM akan terus bekerjasama dengan UMS dalam apa jua bidang dan sentiasa bersedia membantu UMS untuk projek yang diperlukan,” katanya.

Beliau berkata demikian media selepas melawat projek membaikpulih kolam ikan di perairan Pulau Bum-Bum, Semporna pada 11 Disember yang lalu.

Kolam ikan yang berkeluasan kira-kira 60 kaki lebar dan 100 kaki panjang dibaikpulih selepas rosak teruk akibat dipukul ombak pada September lalu.

Sukkuriya berkata projek tersebut merupakan antara program tanggungjawab sosial korporat (CSR) TM kepada penduduk di luar bandar.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah kerana memberi peluang kepada TM bekerjasama dalam projek tersebut.

Sementara itu, Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata projek membaikpulih kolam ikan itu merupakan program Strategi Lautan Biru antara UMSKAL dan Telekom Malaysia dengan pelajar Pasukan Simpanan Tentera Udara (Palapes) TUDM Labuan dan Siswa Pertahanan Awam (Sispa) Pertahanan Awam Labuan.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah mengucapkan terima kasih kepada Telekom Malaysia kerana kesudian syarikat telekomunikasi itu membantu UMSKAL membaikpulih kolam ikan tersebut.

Dr Ismail berharap dengan adanya kolam ikan itu akan membantu meningkatkan taraf hidup dan sosio ekonomi sebahagian keluarga nelayan yang menyertai projek berkenaan di



CENDERAMATA ... Ismail (empat kiri) menyampaikan cenderamata kepada Sukkuriya selepas melawat projek membaikpulih kolam ikan di perairan Pulau Bum-Bum Semporna

Pulau Bum-Bum.

Katanya, projek seumpama itu merupakan aspek yang sentiasa ditekankan Naib Canselor dalam usaha mahasiswa UMS membantu masyarakat yang memerlukan di Sabah dan Labuan.

Beliau berkata sebelum ini kolam itu dibina

oleh Majlis Sukarelawan Pelajar UMS tetapi telah rosak teruk pada September lalu.

“Projek itu dijangka siap sepenuhnya pada April tahun hadapan dan diharap mampu membantu meningkatkan sosio ekonomi nelayan,” katanya. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabaitimes.com.my)**